

TAKAFULINK DANA SUKUK

All information as at 30 June 2025 unless otherwise stated
Semua maklumat adalah seperti pada 30 Jun 2025 melainkan jika dinyatakan

Objective / Objektif Dana

Takafulink Dana Sukuk aims to provide medium-to-long term accumulation of capital by investing in selected sukuk and Islamic money market instruments.


Takafulink Dana Sukuk bertujuan untuk menyediakan pengumpulan modal jangka sederhana ke panjang melalui pelaburan dalam sukuk dan instrumen pasaran wang Islam yang terpilih.

Fund Details / Maklumat Terperinci Dana

Investment Manager / Pengurus Pelaburan	Principal Islamic Asset Management Sdn. Bhd.
Inception Date / Tarikh Diterbitkan	01/12/2006
Current Fund Size / Saiz Dana Terkini	RM326,158,686.93
Annual Fund Management Charge / Caj Pengurusan Dana Tahunan	0.50% per annum
Current NAV / NAB Terkini	RM2.06759

How the Fund has performed / Prestasi Dana

Performance Graph / Jaduan Prestasi Dana
Takafulink Dana Sukuk Vs. Maybank 12-month Islamic
Fixed Deposit-i rate




Total Price Movement Over the Following Periods / Jumlah Pergerakan Harga Dalam Tempoh Tersebut

	1 month	3 months	6 months	1 year	3 years	5 years	Since Inception
Price Movement / Pergerakan Harga	0.31%	1.77%	3.15%	4.90%	17.07%	16.22%	106.76%
Benchmark / Penanda Aras	0.21%	0.63%	1.23%	2.53%	8.22%	12.35%	65.70%
Outperformance / Perbezaan Prestasi	0.10%	1.14%	1.92%	2.37%	8.85%	3.87%	41.06%

Source / Sumber: Lipper for Investment Management and Bloomberg, 30 June 2025

Where the Fund invests Komposisi Pelaburan Dana



Asset Allocation Peruntukan Aset

	% NAV
1 Corporate Sukuk	79.59
2 Quasi Government	13.07
3 Government	5.09
4 Cash, Deposits & Others	2.25

Takafulink Dana Sukuk Top 10 Holdings 10 Pegangan Teratas

	%
1 Infracap Resources Sdn Bhd	3.22
2 Sarawak Energy Berhad	2.92
3 DanaInfra Nasional Berhad	2.60
4 AEON Credit Service (M) Sdn Bhd	2.31
5 YTL Power International Berhad	1.89
6 Danum Capital Berhad	1.88
7 AmlIslamic Bank Berhad	1.84
8 Edra Energy Sdn Bhd	1.78
9 PONSBN Capital Berhad	1.76
10 Projek Lebuhraya Usahasama Berhad	1.72

TAKAFULINK DANA SUKUK

All information as at 30 June 2025 unless otherwise stated

Semua maklumat adalah seperti pada 30 Jun 2025 melainkan jika dinyatakan

Monthly Update / Laporan Bulanan Terkini

Fixed Income

Market Review

In June, the Malaysian Government Securities ("MGS") yield curve moved mixed as the 10-year closed at 3.47% (-8bps) at month-end whilst the 3-year and 30-year also moved marginally lower by 1 to 2bps. Meanwhile, the 7-year moved higher by 3bps. The rally in the 10-year was driven by the auction for the 10-year MGS new issue which saw strong demand despite the lower yields as well as the rally in US Treasuries. On a monthly basis, the 3-, 5-, 7-, 10-, 15-, 20- and 30-year benchmarks closed at 3.16% (-1bps), 3.20% (unchanged), 3.41% (+3bps), 3.47% (-8bps), 3.70% (unchanged), 3.81% (unchanged) and 4.07% (-2bps), respectively in June. Meanwhile, the Malaysian Government Investment Issue ("MGII") yield curve saw yields in the front end falling marginally lower by 1 to 2bps for the 5- to 10-year as markets continued to price in a rate cut. Meanwhile, the 15-year and 20-year spiked higher as the 15-year closed at 3.72% (+6bps) and 20-year at 3.76% (+1bps) at the end of the month. On a monthly basis, the 3-, 5-, 7-, 10-, 15-, 20- and 30-year MGII closed at 3.17% (+1bps), 3.26% (-1bps), 3.42% (-3bps), 3.51% (-2bps), 3.72% (+6bps), 3.76% (+1bps), and 4.04% (unchanged) respectively in June. MGS/MGII trading volume declined in June by -27% monthly to RM119.1bil from RM163.6bil, while corporate trading volume also decreased by -8% MoM to RM5.4bil from RM5.92bil in June 2025. Government bond and sukuk auction in the month of June was strong with an average bid to cover ratio of 3.08x for the three auctions held. In July, there will be three government auctions beginning with the 7-year Reopening of the MGII 10/31, 30-year New Issue of MGS 7/55 and the 10-year reopening of the MGII 4/35. During the month, credit spreads narrowed between 2 to 7bps across all rating categories for tenures up to 7-year. However, for the 10-year, it widened between 4 to 10bps across all rating bands. Meanwhile, for the long end AAA and AA, it between 2 to 5bps. For the long end GGs and single-A, spreads were largely unchanged. Bank Negara Malaysia ("BNM") expects economic growth to fall below the official forecast this year due to US tariffs. BNM governor says that economic expansion this year will likely come in "slightly lower" than the 4.5% to 5.5% official growth estimate for the year. This follows BNM's announcement in easing the Statutory Reserve Requirement ("SRR") to release additional liquidity into the financial system. New forecasts are expected to be announced in July. The Ministry of Finance ("MoF") expects the expanded sales & service tax ("SST") to bring in an additional RM5bil in revenue in 2025 and RM10bil in 2026. The MoF believes it is a progressive approach in revising the tax base. At the same time, officials have assured that financial assistance is in place to help households – particularly those in the B40 and M40 income brackets – cope with higher living costs. Some of these initiatives include the mySalam health takaful, Kad Pekerja Madani and Skim Jaminan Kredit Perumahan. On the subsidy rationalization for fuel, MoF has commented that the government is still in the discussion stage in assessing the appropriate mechanism including the use of the Central Database Hub ("PADU") system to set the threshold value. It was noted that the rollout could begin with a high cut-off line, potentially taking place before the end of the year. Upcoming data for the month of July include BNM monetary policy committee meeting on 9 July, unemployment rate on 10 July, industrial production on 11 July, manufacturing sales on 11 July, June exports on 18 July, advanced 2Q25 GDP on 18 July as well as the inflation rate on 22 July.

Fund Review & Strategy

The Fund's returns stood at 0.31%, outperforming the benchmark return of 0.21% by 10bps. Returns for the month were primarily driven by longer-dated government-guaranteed sukuks, which benefited from continued strength at the longer end of the benchmark curve, as markets increasingly priced in the likelihood of a rate cut. Additionally, lower-rated sukuks within the AA segment contributed positively to overall returns, supported by sustained demand for higher-yielding sukuks amid a lower interest rate outlook. With the extension of the tariff deadline extended to 1 August, we can expect trade uncertainties to continue for now. On the geopolitical front, it remains a wild card at this juncture, and we will need to stay nimble for any possibilities. With the recent rally in the MGS market as market prices in a potential rate cut, we aim to take profit on the shorter dated government securities but to continue having a tactical position in government securities as we expect local markets to remain supported with lesser upcoming supply. Our preference remains on corporates sukuk in general for the yield pick-up and carry it offers. With the local corporate sukuk pipeline expected to be heavy and active this month, we will take profit when possible, on tighter names and to switch into new issuances.

Pendapatan Tetap

Tinjauan Bulanan

Pada bulan Jun, pergerakan keluk hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia ("MGS") bercampur-campur apabila hasil 10-tahun ditutup pada 3.47% (-8 mata asas) pada akhir bulan manakala 3-tahun dan 30-tahun juga bergerak lebih rendah sedikit, antara 1 hingga 2 mata asas. Sementara itu, hasil 7-tahun bergerak lebih tinggi sebanyak 3 mata asas. Peningkatan hasil 10-tahun didorong oleh lelongan terbitan baharu MGS 10-tahun yang mendapat permintaan kukuh meskipun peningkatan hasil Perbendaharaan AS yang lebih rendah. Pada asas bulanan, penanda aras 3-, 5-, 7-, 10-, 15-, 20- dan 30-tahun masing-masing ditutup pada 3.16% (-1 mata asas), 3.20% (tidak berubah), 3.41% (+3 mata asas), 3.47% (-8 mata asas), 3.70% (tidak berubah), 3.81% (tidak berubah) dan 4.07% (-2 mata asas) pada bulan Jun. Sementara itu, keluk hasil Terbitan Kerajaan Malaysia ("MGII") mencatat hasil di bahagian hadapan yang jatuh lebih rendah sedikit sebanyak 1 hingga 2 mata asas bagi hasil 5- hingga 10-tahun kerana pasaran terus menetaparkan penurunan kadar. Sementara itu, hasil 15-tahun dan 20-tahun meningkat lebih tinggi apabila hasil 15-tahun ditutup pada 3.72% (+6 mata asas) dan 20-tahun pada 3.76% (+1 mata asas) pada akhir bulan. Pada asas bulanan, MGII 3-, 5-, 7-, 10-, 15-, 20- dan 30-tahun masing-masing ditutup pada 3.17% (+1 mata asas), 3.26% (-1 mata asas), 3.42% (-3 mata asas), 3.51% (-2 mata asas), 3.72% (+6 mata asas), 3.76% (+1 mata asas), dan 4.04% (tidak berubah) pada bulan Jun. Jumlah dagangan bulanan MGS/MGII merosot sebanyak -27% bulanan pada Jun kepada RM119.1bil daripada RM163.6bil, manakala volum dagangan korporat juga jatuh sebanyak -8% MoM kepada RM5.4bil daripada RM5.92bil pada Jun 2025. Lelongan bon dan sukuk kerajaan pada bulan Jun kukuh dengan purata nisbah bida kepada tampungan ("bid-to-cover ratio") ialah 3.08x buat tiga lelongan. Pada bulan Julai, terdapat tiga lelongan kerajaan bermula dengan Pembukaan Semula MGII 7-tahun 10/31, Terbitan Baharu MGS 7/55 30-tahun dan pembukaan semula MGII 4/35 10-tahun. Pada bulan tersebut, spread kredit menyempit antara 2 hingga 7 mata asas merentas semua kategori penarafan bagi tempoh sehingga 7 tahun. Walau bagaimanapun, bagi spread 10 tahun, ia melebar antara 4 hingga 10 mata asas merentas semua jalur penarafan. Sementara itu, untuk AAA dan AA jangka panjang, ia melebar antara 2 hingga 5 mata asas. Bagi GG jangka panjang dan A, sebahagian besar spread tidak berubah. Bank Negara Malaysia ("BNM") menjangkakan pertumbuhan ekonomi akan jatuh di bawah ramalan rasmi tahun ini disebabkan oleh tarif AS. Gabenor BNM berkata bahawa pengembangan ekonomi tahun ini mungkin akan "sedikit lebih rendah" daripada anggaran pertumbuhan rasmi 4.5% hingga 5.5% bagi tahun itu. Ia susulan pengumuman BNM untuk melonggarkan Keperluan Rizab Berkanun ("SRR") supaya melepaskan kecairan tambahan ke dalam sistem kewangan. Ramalan baharu dijangka akan diumumkan pada bulan Julai. Kementerian Kewangan ("MoF") menjangkakan cukai jualan & perkhidmatan ("SST") yang diperluaskan akan membawa masuk hasil tambahan RM5 bilion pada 2025 dan RM10 bilion pada 2026. MoF percaya ia adalah pendekatan progresif dalam menyemak semula asas percukaian. Pada masa yang sama, pegawai MOF telah memberi jaminan bahawa bantuan kewangan telah disediakan untuk membantu isi rumah - terutamanya mereka yang berada dalam julat pendapatan B40 dan M40 - berdepan kos sara hidup yang lebih tinggi. Sebahagian inisiatif ini termasuk takaful kesihatan mySalam, Kad Pekerja Madani dan Skim Jaminan Kredit Perumahan. Mengenai rasionalisasi subsidi bahan api, MoF mengulas bahawa kerajaan masih dalam peringkat perbincangan untuk menilai mekanisme yang sesuai termasuk penggunaan sistem Hab Pangkalan Data Pusat ("PADU") untuk menetapkan nilai ambang. Telah diperhatikan bahawa pelancaran boleh bermula bila-bila sahaja, mungkin berlaku sebelum akhir tahun. Data yang akan masuk di bulan Julai termasuk mesyuarat jawatankuasa dasar monetari BNM pada 9 Julai, kadar penganggaran pada 10 Julai, pengeluaran perindustrian pada 11 Julai, jualan pembuatan pada 11 Julai, eksport Jun pada 18 Julai, KDNK 2Q25 awal pada 18 Julai serta kadar inflasi pada 22 Julai.

Tinjauan & Strategi Dana

Dana menyampaikan pulangan 0.31%, mengatasi pulangan penanda aras 0.21% sebanyak 10 mata asas. Pulangan pada bulan itu didorong terutamanya oleh sukuk yang dijamin kerajaan bertempoh lebih lama, yang mendapat manfaat daripada kekuatan berterusan keluk penanda aras yang lebih panjang,

TAKAFULINK DANA SUKUK

All information as at 30 June 2025 unless otherwise stated

Semua maklumat adalah seperti pada 30 Jun 2025 melainkan jika dinyatakan

kerana pasaran semakin meningkat berikutan kadar yang mungkin turun. Selain itu, sukuk berkadar rendah dalam segmen AA menyumbang secara positif kepada pulangan keseluruhan, disokong oleh permintaan yang mampan ke atas sukuk yang memberikan hasil lebih tinggi di tengah-tengah prospek kadar faedah yang lebih rendah. Dengan tarikh akhir tarif dilanjutkan hingga 1 Ogos, kita boleh menjangkakan ketidaktentuan perdagangan akan berterusan buat masa ini. Dari segi geopolitik, ia kekal sebagai "kad bebas" pada ketika ini, dan kita perlu tangkas untuk menangani sebarang kemungkinan. Susulan peningkatan pasaran MGS baru-baru ini apabila pasaran menetaphargakan penurunan kadar, kami sasarkan untuk menebus keuntungan dari sekuriti kerajaan bertempoh lebih pendek sambil mengekalkan kedudukan taktikal dalam sekuriti kerajaan kerana kami menjangkakan pasaran tempatan akan terus disokong dengan bekalan masuk yang lebih rendah. Keutamaan kami masih pada sukuk korporat secara amnya untuk meningkatkan hasil dan bawaan yang disediakan. Persediaan sukuk korporat tempatan dijangka berat dan aktif pada bulan ini, maka kami akan menebus keuntungan apabila mungkin, dari saham yang lebih tersepit dan beralih kepada terbitan baharu.

Source / Sumber: Fund Commentary, June 2025, Principal Islamic Asset Management Sdn. Bhd.

Disclaimer

Investments are subject to investment risks including the possible loss of the principal amount invested. The value of the units may fall as well as rise. Past performances of the funds and that of the fund managers are not necessarily indicative of future performance. The price movements indicated are not reflective of the actual return on your investments (which are subject to your premium allocation rate and deduction charges). The actual return on your invested premiums may fluctuate based on the underlying performance of the investment-linked funds. All Takafulink Dana are invested in Shariah-approved securities and/or Islamic private debt securities. This leaflet is for illustrative purposes only. For further details on the terms and conditions, please refer to the policy document. For further details on how you can invest in these funds, please refer to the respective product brochures. In the event of discrepancy between the information in this fact sheet and the policy document, the information in the policy document shall prevail.

Pelaburan adalah tertakluk kepada risiko-risiko pelaburan termasuk kemungkinan kehilangan jumlah wang pokok yang dilabur. Nilai unit mungkin naik ataupun jatuh. Prestasi masa dulu dana-dana atau pengurus-pengurus dana tidak semestinya mencerminkan prestasi masa depan. Pergerakan harga yang ditunjukkan tidak menggambarkan pulangan sebenar pelaburan anda (yang tertakluk kepada kadar peruntukan premium dan caj potongan). Pulangan sebenar ke atas premium yang anda labur mungkin berbeza, bergantung kepada prestasi dana-dana. Semua Takafulink Dana dilaburkan dalam sekuriti yang diluluskan oleh Syariah dan/atau sekuriti hutang swasta Islam. Risalah ini disediakan hanya untuk gambaran semata-mata. Sila rujuk kepada dokumen polisi untuk keterangan lanjut mengenai terma-terma dan syarat-syarat. Untuk keterangan lanjut mengenai bagaimana anda boleh melabur dalam dana-dana ini, sila rujuk kepada risalah-risalah produk yang berkenaan. Jika terdapat perbezaan di antara helaian fakta dan dokumen polisi, maklumat dalam dokumen polisi dianggap muktamad.

PRUDENTIAL BSN

TAKAFUL